

20/11/1997

Sebulat suara (HL)

Kamal Ahmad; Ahmad Burak; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Dewan Rakyat malam ini sebulat suara meluluskan usul percaya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan Amerika Syarikat untuk menyasat pelaburan Petronas di Iran.

Usul yang dibentangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu diluluskan selepas perbincangan lebih empat jam. Tiada bantahan dibuat ketika pengundian dijalankan.

Ketika berucap membentangkan usul itu, Anwar berkata dakwaan 34 anggota Kongres Amerika kononnya Dr Mahathir anti-Yahudi dan anti-Semitik adalah satu tuduhan melulu dan tidak benar sama sekali.

Menurutnya, rekod pencapaian Perdana Menteri menunjukkan beliau seorang yang menegakkan prinsip demokrasi dan masyarakat majmuk seperti yang boleh dilihat di negara ini.

"Menuduh Dr Mahathir sebagai anti-Semitik lebih melulu. Siapa dia Semite itu? Kata Oxford Dictionary: (Semite is) A member of any of the peoples supposedly descended from Shem, sons of Noah, including especially the Jews, Arabs, Assyrians, Babylonians and Phoenecians.

"Takkanlah Dr Mahathir membenci semua bangsa ini termasuk orang Arab. Ada orang yang mengatakan orang Yahudi itu sebagai Children of Abraham. Bukan orang Yahudi saja, semua orang Islam dan Kristian adalah juga Children of Abraham," katanya.

Usul itu dibentangkan berikutan tindakan 34 anggota Kongres Amerika mendesak Dr Mahathir supaya meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana didakwa menyatakan wujud konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau Asia Tenggara.

Usul berkenaan juga turut membantah tindakan Amerika yang cuba menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya terhadap Petronas kerana melabur lebih daripada AS\$20 juta (RM66 juta) dalam projek gas di Iran.

Bagaimanapun, sebelum ini Dr Mahathir berulang-kali menjelaskan bahawa kenyataannya disalah-ertikan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Ketika keputusan meluluskan usul itu diumumkan oleh Timbalan Speaker, Datuk Ong Tee Keat, tiada seorang pun anggota pembangkang dari DAP, Pas dan PBS berada di dalam dewan, kecuali Dr Patau Lubis (Star-Mas Gading).

Bagaimanapun, PBS yang diketuai Datuk Dr Joseph Pairin Kitingan sudah menyatakan sokongannya terhadap usul itu ketika perbincangan.

Dewan Rakyat mempunyai 192 anggota dengan 168 mewakili Barisan Nasional (BN), manakala 24 anggota pembangkang, iaitu sembilan daripada DAP, PAS dan PBS masing-masing tujuh dan seorang dari Star.

Anwar berkata, kenyataan Dr Mahathir mengenai pembabitian pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros, seorang Yahudi, dalam spekulasi mata wang di rantau ini dikutip secara terpisah-pisah sehingga Perdana Menteri dianggap anti-Yahudi dan anti-Semitik.

"Kita perlu melihat apa yang beliau (Dr Mahathir) katakan secara menyeluruh dan lebih penting daripada itu, apa yang sudah beliau lakukan," katanya.

Beliau berkata, rekod kepemimpinan Dr Mahathir berhubung prinsip demokrasi, masyarakat majmuk dan kepelbagaian budaya rakyat negara ini, sangat cemerlang.

(END)